KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 OGOS 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	'Orang ramai usah panik'	Berita Harian
2	Hackers want attention, say experts	The Star
3	SIRIM Tech Audit	News Straits Times
4	Corak angin tidak menentu punca ribut petir	Kosmo
5	Mahkamah: Pegawai forensik ambil calitan pistol, peluru dirampas semasa ops daulat	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 14 OGOS 2015 (JUMAAT)

SUSULAN ANCAMAN ANONYMOUS

'Orang ramai usah panik'

» Pengguna diminta sentiasa kemas kini perisian anti virus komputer

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak panik dan sentiasa mengemaskini perisian anti virus pada sistem komputer atau mana-mana laman web bagi mengelakkannya menjadi mangsa godam penjenayah siber.

Pengarah Jabatan Siasatan Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Mortadza Nazarene, berkata langkah mempertingkatkan keselamatan sistem komputer sedikit sebanyak dapat mengelak perisian atau mana-mana laman web kerajaan menjadi sasaran godam Anonymous.

"Jangan panik dengan ugutan penjenayah siber ini, sebaliknya tangani secara profesional seperti mempertingkatkan sistem perisian anti virus dan tidak muat turun sebarang perisian yang diragui sumbernya.

***Keratan muka depan BH** 11 Ogos 2015.*

"Jangan klik atau buka pautan dihantar melalui emel atau mesej dari pihak yang tidak dikenali kerana dikhuatiri ia sebahagian daripada cubaan menggodam. Jika mengesan unsur pencerobohan pada sistem komputer, segera laporkan kepada polis atau CyberSecurity Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Di **Subang Jaya**, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata polis sudah bersedia menghadapi penjenayah siber 'Anonymous' yang merancang menggodam laman web beberapa agensi kerajaan pada 29 dan 30 Ogos ini.

Kenal pasti identiti

"Pada masa ini kita masih dalam peringkat mengenalpasti identiti pihak terbabit, dipercayai Anonymous Malaysia yang mungkin mempunyai jaringan dengan penjenayah siber antarabangsa. Kita akan kesan mereka dan tujuan kenapa mereka mahu menggodam laman web kerajaan.

"Selepas itu, kita akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Hari Inovasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2015 sempena penutupan Hari Polis ke-208, semalam.

Setakat ini juga, katanya, polis juga masih menyiasat sama ada serangan siber yang dirancang itu mempunyai kaitan dengan perhimpunan BERSIH 4.0 kerana tarikh serangan dan perhimpunan berkenaan adalah sama.

Mengenai perhimpunan terbabit, beliau berkata, polis akan menggunakan dron untuk membuat pemantauan sepanjang ia berlangsung, termasuk bagi mengesan sebarang kekecohan kerana teknologi berkenaan mempunyai kelebihan bertindak lebih pantas jika berlaku sesuatu di luar jangkaan.

Selasa lalu, *BH* mendedahkan rancangan Anonymous yang membuat ancaman menerusi rakaman video berdurasi kira-kira lapan minit dalam bahasa Inggeris loghat British, untuk menyerang laman web agensi kerajaan, antaranya milik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan PDRM.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 28
TARIKH: 14 OGOS 2015 (JUMAAT)

Hackers want attention, say experts

'Threats can jeopardise national security'

KUALA LUMPUR: Cyber attacks and threats from hackers can jeopardise national security at large even if they are not politically motivated, said local experts.

Cyber warfare experts believe hackers just want attention when they try to bring down democratically-elected governments.

Executive director and senior IT security consultant of LE Global Services Sdn Bhd Fong Choong Fook said hackers and cybertroopers might be aiming for critical national infrastructures to bring down a country, government or those in power.

"Some of the examples are the financial sector, energy, telecommunications, education, government, etc," he said yesterday.

Recently, a video purported to be from a group of hackers calling itself Anonymous Malaysia surfaced on social media. This group has declared an all-out cyberwar against the current government.

In that video, a masked person representing the group also threatened to use all sources available for the Internet warfare in support of a rally planned here on Aug 29 and 30.

Commenting on that threat, Fong said he personally believed that the group was just bluffing and did not mean business.

"Website hacking is common, and shall be perceived as a 'blessing' because when a website gets hacked, the public gets to know about it.

"In our line of work as investigators, we have seen criminals hack into servers and hide within the server for years, to capture corporate trade secrets and sensitive data," he added.

But on a positive note, Fong drove home the point that hackers were only looking for an opening and excuse to execute their plan for joyrides in cyberspace.

"Hackers are like you and me. It's very hard to generalise what a hacker really wants. Of course there are opportunists, who are only preying for their own benefits," he said.

Universiti Kebangsaan Malaysia Information and Communications Faculty dean Prof Dr Abdullah Mohd Zin said usually hackers would not get involved in politics.

He said the best way for the Government to protect its critical national information infrastructure was to have top grade cybersecurity.

"Various agencies like CyberSecurity Malaysia are up to the task," he said.

He added that systems in lower level entities like district offices whose security systems were not upgraded regularly were more vulnerable to such attacks. — Bernama

KERATAN AKHBAR
NEWS STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 9
TARIKH: 14 OGOS 2015 (JUMAAT)

SIRIM TECH AUDIT OFFER FOR SMEs

ASSESSMENT: Focus on six components

EUNICE AU
SHAH ALAM
euniceau@nst.com.my

SMALL and medium enterprises (SMEs) are invited to participate in a tech audit conducted by Sirim Bhd to understand their technological strengths and weaknesses, as well as potential points for improvement.

The audit, which is a structured evaluation and on-site assessment by Sirim's qualified technological auditors, was developed in collaboration with Fraunhofer Institute in Germany to upgrade and assist SMEs in boosting their productivity through innovation.

Sirim's Research and Technology Innovation Division vice-president, Dr Mohamad Jamil Sulaiman, said the organisation hoped to intensify its engagement with SMEs to address productivity issues and, ultimately, enhance their capabilities.

"The foundation for the cultivation of an innovation culture is in place and ready to be capitalised by SMEs, so that they, in turn, can fulfil their potential.

"We will conduct technological assessments on six core components to see whether SMEs are using the right technology in their development.

> ***As Sirim forges the way forward*** to strengthen SME development, it is imperative to ascertain that the ***initiatives implemented truly benefit SMEs,*** particularly in terms of productivity."
>
> *Sirim Research and Technology Innovation Division vice-president* ***Dr Mohamad Jamil Sulaiman***

"They are productivity; trends in processes and methods; technology management; employees; organisation or networking; and technology strategy.

"Sometimes, SMEs may be using the wrong facilities and equipment, which is not productive," he told the *New Straits Times*.

Based on the result analysis, Sirim will provide action plans to SMEs as recommendations, which may include ways to incorporate automation and mechanisation to increase productivity, or staff capacity-building to resolve efficiency problems.

Participation in the audit, said Jamil, would help SMEs enhance their productivity, improve their technology management capabilities and move up the value chain.

Sirim aims to audit 150 companies this year. The audit, which is done on a first come, first served basis, is open to all Malaysian manufacturing SMEs that have been in operation for at least two years.

All costs incurred related to the audit will be borne by the government.

The audit is part of Sirim's rebranding efforts, as announced in the 2015 Budget, to focus on technology development and the establishment of a successful SME innovation ecosystem.

Companies interested in undergoing the audit are required to register at Sirim. Once approved, a preparatory package will be sent to the companies, followed by an on-site visit by auditors.

After the audit result is analysed, auditors will meet the companies again to present the report, with recommendations for further action.

Jamil said Sirim, an agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, focused on ensuring industry standards and many services covering end-to-end processes.

"As Sirim forges the way forward to strengthen SME development, it is imperative to ascertain that the initiatives implemented truly benefit SMEs, particularly in terms of productivity."

The organisation's Industrial Innovation Model assists SMEs throughout the value chain, from product development to packaging and marketing.

"The word 'industrial' reflects our focus on assisting the industry.

"We look into needs-driven applied research, so that products are marketable, feasible, and impact the nation and people," said Jamil.



KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 19
TARIKH: 14 OGOS 2015 (JUMAAT)

Corak angin tidak menentu punca ribut petir

KUALA LUMPUR - Corak angin yang tidak menentu dikenal pasti punca kejadian ribut petir yang semakin menjadi-jadi kebelakangan ini.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, kejadian ini disebabkan kawasan tekanan rendah Barat Pasifik tidak aktif.

"Kawasan tekanan rendah di Barat Pasifik yang tidak aktif menyebabkan angin dari barat daya negara kita tidak bergerak ke arah sana dan ini mengundang aktiviti ribut petir dan hujan lebat di sebelah petang," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, kawasan yang terjejas akibat ribut petir ialah di kawasan pantai barat terutama Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Jelas Hisham lagi, kawasan tekanan rendah Barat Pasifik yang tidak aktif jarang berlaku sebelum ini namun menunjukkan kekerapan pada tahun ini.

Fenomena tersebut menyebabkan keadaan cuaca negara menjadi seperti musim peralihan monsun.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 14 OGOS 2015 (JUMAAT)

Mahkamah: Pegawai Forensik Ambil Calitan Pistol, Peluru Dirampas Semasa Ops Daulat

KOTA KINABALU, 13 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini, hari ini diberitahu bahawa seorang pegawai forensik polis mengambil calitan daripada pistol dan peluru yang dirampas semasa 'Ops Daulat', operasi untuk mengusir penceroboh Sulu di Lahad Datu.

Insp Shuhada Salim dari Kontinjen Polis Pahang berkata beliau mengambil calitan itu daripada badan dan laras pistol .45 Colt MK IV dan 23 butir peluru .45.

Beliau berkata pistol dan peluru itu ialah antara 38 barang yang diterimanya daripada ASP Vernon Sinclair Ak Dalton Doel pada 25 Mac 2013.

Beliau memberi keterangan pada perbicaraan 30 individu yang dikaitkan dengan insiden pencerobohan oleh kumpulan lelaki bersenjata Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Shuhada berkata beliau menggunakan 25 stik untuk membuat calitan pada senjata dan peluru yang dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk mengenal pasti sisa tembakan senjata api (GSR).

Semasa menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Jamil Aripin, Shuhada berkata beliau dapat mengenal pasti kesemua 38 barang yang diterimanya daripada Vernon Sinclair kerana beliau telah menurunkan tanda tangan ringkasnya pada setiap barang itu.

Selain pistol dan peluru, barang-barang lain ialah pakaian, barang-barang peribadi, dokumen dan kotak tertera jenama air mineral 'K2'.

Dua puluh tujuh warga Filipina dan tiga penduduk tempatan dibicarakan atas pelbagai tuduhan termasuk menganggotai kumpulan pengganas dan melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga dituduh merekrut anggota untuk kumpulan pengganas atau secara sukarela melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan pengganas.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu antara 12 Feb dan 10 April, 2013.

Perbicaraan di hadapan Hakim Stephen Chung di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok.

-- BERNAMA